

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
HAJI WAN YUSOFF BIN HAJI WAN SULAIMAN
DATO PANGLIMA PERANG LUNDANG**

MOHD AQIL AFNAN BIN DERAHMAN	2015182643
NUR SYUHADA BINTI MAT HUSIN	2015145595

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UiTM CAWANGAN KELANTAN**

MARCH 2017 – JULAI 2017

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah antara dua orang penuntut Universiti Teknologi Mara dalam Jurusan Pengurusan Sistem Maklumat, Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu Mohd Aqil Afnan bin Derahman dan Nur Syuhada binti Mat Husin dengan Haji Wan Yusuff bin Haji Wan Sulaiman, bekas penghulu Kampung Lundang. Temubual ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang Kampung Lundang serta tokoh-tokohnya yang pernah ada di kampung tersebut dan turut sama menyumbang kepada kesejahteraan kampung itu. Kedua tokoh tersebut iaitu Dato Panglima Perang atau juga dikenali sebagai Dato Lundang yang nama sebenarnya ialah Haji Wan Musa Bin Wan Hassan serta Mandur Mis atau nama sebenarnya ialah Wan Senik, adalah tokoh yang bertanggungjawab dalam menjaga keamanan sejagat dan pernah berjasa kepada Sultan Kelantan dan juga mengharumkan nama Kampung Lundang. Melalui kajian ini, kami dapat mengambil iktibar dan nilai murni terhadap kedua tokoh tersebut.

Kata kunci: Dato Lundang, Dato Panglima Perang, Lundang, Kampung Lundang, Mandur Mis

PENGHARGAAN

Pertama sekali, dengan rasa rendah dirinya kami ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurniaNya memberikan kami kekuatan dan kesihatan dalam menyiapkan tugasan yang telah diberikan. Kami tidak akan mampu menyiapkan tugasan ini tanpa pertolongan dari Allah SWT.

Keduanya, terima kasih yang tidak terhingga buat kedua pensyarah kami iaitu Puan Noor Rahmawati Binti Alias dan Puan Nor Kamariah Binti Chik kerana telah memberikan panduan yang sangat berguan serta nasihat kepada kami. Mereka telah memberikan inspirasi kepada kami untuk bekerja keras demi menyiapkan tugasan ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana telah menunjukkan contoh yang berkaitan untuk memudahkan kami. Disamping itu, penghargaan daripada kami untuk Universiti Teknologi Mara, Machang (UiTM) kerana telah menyediakan kepada kami persekitaran yang baik dan kemudahan bagi memudahkan kerja kami.

Terima kasih juga kepada kedua ibu bapa kami serta rakan-rakan sekelas yang turut sama membantu kami tatkala kami buntu mencari penyelesaian dan jawapan. Mereka telah sedaya upaya membantu dan berkongsi pendapat bersama.

Terima kasih buat kalian atas kasih saying yang tak terhingga dan kerjasama yang telah diberikan, hanya Allah yang dapat membalaunya.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN MAKSUD

MAA	- Mohd Aqil Afnan
NS	- Nur Syuhada
AH	- Ayah Haji

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Abstrak.....	i
Penghargaan.....	ii
Senarai Singkatan.....	iii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemubual.....	v
Biodata Pencerita.....	vii
Pengenalan.....	1
Kajian Literatur.....	6
Transkrip.....	8
Bahagian 1: Latar Belakang Pencerita.....	
Bahagian 2: Latar Belakang Mandur Mis.....	18
Bahagian 3: Latar Belakang Dato Panglima Perang Lundang.....	23
Bahagian 4: Sejarah Kampung Lundang dan Kaitannya dengan Dato Panglima.....	31
Bahagian 5: Harapan dan Pandangan.....	40
Rujukan.....	46
Indeks.....	47
Lampiran	A
Log Temubual.....	B
Biografi Tokoh.....	E
Diari Kajian.....	F
Senarai soalan.....	H
Gambar, dan lain-lain.....	O
Surat Perjanjian.....	

BIODATA PENEMU BUAL



Nama	Mohd Aqil Afnan bin Derahman
Alamat	Kota Bharu, Kelantan
No. Telefon	
Emel	
Program	Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat

BIODATA PENEMUBUAL



Nama	Nur Syuhada Binti Mat
Alamat	Kota Bharu Kelantan.
No. Telefon	
Emel	<u>nur.syuhada@kmsm.edu.my</u> Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat
Program	

BIODATA PENCERITA



Nama	Haji Wan Yusuff Bin Haji Wan Sulaiman
Nama samaran	Ayah Haji
Tarikh Lahir	12/12/1941
Tempat lahir	Kampung Lundang
Alamat	Kota Bharu, Kelantan.
No. Telefon	

PENGENALAN

Sejarah merupakan satu fakta yang telah dikaji dan tidak boleh diubah dengan sewenang-wenangnya. Satu artikel yang bertajuk Tradisi Lisan: Satu Penilaian Semula ditulis Dr. Haji Syed Abdullah,(2011). Didalam artikelnya Richard M. Dorson (1973) menyebut *Folk Literature* dikenali juga dengan *Oral Literature* (Kesusasteraan Lisan) atau *Verval Art* (Seni Tuturan) atau *Expressive Literature* (Kesusasteraan Ekspresif) yang merangkumi Bahasa Rakyat, Nyanyian Rakyat, Cerita Rakyat, Puisi Rakyat, Ungkapan Rakyat (peribahasa) dan semua prosa dan puisi tradisi, sama ada dalam bentuk cerita dan bukan cerita yang diperturun atau disampaikan secara lisan. Dalam mencari satu sejarah yang dibumi Kelantan ataupun dikenali sebagai Negeri Cik Siti Wan Kembang, terdapat sejarah ataupun ceritera rakyat kelantan yang menarik minat kami, iaitu panglima perang Dato' Panglima Perang. Apakah kaitannya Kampung Lundang ini dengan Baginda Dato' Panglima Perang?

Negeri Kerat Lintang, itulah Gelaran pada akhir kurun ke-17. Ianya diperoleh setelah tamatnya Perang Kota Labu pada 1762. Peperangan tersebut berlaku kerana serangan angkatan Long Ghafar, Long Yunus, Mandur Misa serta penghulu Adas. Ketika itu ianya diperintah oleh Long Muhammad adik kepada Long Pandak yang telah mati dibunuhi didalam Perang Kota Labu pada 1 pada tahun 1758. Ianya disebabkan Long Muhammad dikatakan telah mungkir janji dengan Long Ghafar dan Long Yunus untuk memerintah dengan adil dan saksama. Namun, penduduk Kota Sening dan Kota Teras telah mengadu kepada Long Ghafar dan Long Yunus yang waktu itu berada di Terengganu tentang mereka telah dizalimi oleh pemerintahan Long Muhammad, Maka, dengan aduan tersebut, Kota Kubang Labu telah diserang buat kali kedua pada 1762 dan Long Muhammad yang mendapat bantuan daripada Long Deraman dari Legeh dan Panglima Umar dari Kampung Laut Telah Kalah dengan angkatan Long Ghafar, Long Yunus, Mandur Misa dan Penghulu Adas pada tahun tersebut.

Mandor Mis atau nama sebenarnya Tuan Khomis kekanda kepada Che' Tuan Mah (Isteri Penghulu Adas), Tuan Wan Mamat dan Tuan Membunga iaitu putera-puteri kepada Tuan Kundur ibni Al-marhum Tuan Besar Long Bahar pemerintah Kelantan 1725-1733 dengan isterinya yang kedua iaitu Raja Pah Ibni Al-marhum Sultan Omar Jembal 1675-1721.

Mandor Mis yang bergelar Dato' Maharaja Wangsa adalah jadi Penghulu Menteri iaitu diagakkan sebagai Timbalan kepada Perdana Menteri Long Gafar serta menjadi Raja didalam Kampung Lundang yang telah dikurniakan oleh DYMM Sultan Long Yunus selepas disyntihar Baginda menjadi pemerintah negeri Kelantan. Pada waktu Mandur Mis menjadi Raja Kampung Lundang telah melantik orang kanannya yang bernama Awang Besar menjadi Penghulu yang pertama diKampung Lundang. pada tahun 1790 selepas daripada mangkatnya Al-marhum Mandor Mis, kampung Lundang tidak lagi mempunyai Rajanya sehingga tahun 1800 apabila putera Al-marhum Mandor Mis yang sangat masyhur juga dalam sejarah Kelantan itu iaitu Wan Mahmud telah dijadikan oleh DYMM Sultan Muhammad-I sebagai Pembesar bergelar Dato' Panglima Perang Lundang merangkap sebagai Raja Daerah Lundang yang berpusat pemerintahannya dikampung Lundang dengan biasa pula dipanggil orang ianya Dato' Panglima Perang. Berikut dibawah adalah susunan pembesar peringkat pusat di Kelantan dapat dilihat apabila Sultan Muhammad I melantik 7 orang pembesar terpenting iaitu:

1.	Long	Jenal	digelar	Raja	Bendahara
2.	Long	Ismail	digelar	Raja	Muda
3.	Long	Yusof	digelar	Raja	Panchor
4.	Long	Muda	digelar	Engku	Kota
5.	Long	Tan	digelar	Raja	Temengong
6.	Wan	Mahmud	digelar	Dato	Panglima
7.	Wan	Abdullah	digelar	Dato	Kaya
				Hulubalang	Kadok

Selepas Dato' Panglima Perang mangkat pada tahun 1830 tempatnya telah digantikan oleh puteranya iaitu Wan Sulong atau Wan Muhammad dengan gelaran Dato' Panglima Perang Lundang yang ke-II dan dipanggil masyhur Dato' Mekong iaitu singkatan dari gelaran Siam "Phra Chou Mekong Phaya Lundang" sehingga mangkat pada tahun 1846. selepas daripada Dato' Mekong mangkat, maka DYMM Sultan Muhammad-II telah melantik puteranya iaitu Wan Senik Besar atau Wan Nik pula memerintah Daerah Lundang dengan bergelar Dato' Panglima Perang Lundang yang ke-III dan dipanggil rakyat dengan nama Dato' Besar

sehingga mangkat pada tahun 1867 dan digantikan oleh menantu Dato' Besar iaitu Wan Musa Bin Wan Sulaiman bergelar Dato' Panglima Perang Lundang yang ke-IV yang sangat masyhur dikalangan rakyat dengan dipanggil dengan nama Dato' Lundang.

Menurut riwayat, maklumat, Manuskrip lama, serta para pengkaji sejarah sebelum ini. Pada zaman awal perkembangan Kampung Lundang ini wujud, iaitu mudah difahami sebagai Kampung Lundang Tradisional, penduduk Masyarakat Kampung Lundang Tradisional ini majoriti banyak tertumpu atau terletak dikawasan lembah berhampiran dengan Pinggiran Sungai Lundang iaitu dibawah lembah Kampung Lundang sekarang dan ia melebar hingga ke Sekolah Kebangsaan Bunut Payung sekarang yang mana pada waktu itu kawasan ini adalah merupakan Kampung Lundang Tradisional.

Kampung Lundang adalah salah satu dari perkampungan melayu yang tua di dalam zon bandar Kota Bharu, Ibu Negeri Kelantan sekarang. Menurut pengkaji sejarah terdahulu jika dihitung usianya mulai dari tahun pembukaanya pada tahun 1762 sehingga tahun 2012, usianya sudah pun menccah 250 tahun. Sama juga dengan Perkampungan-perkampungan Melayu yang lain, Kampung Lundang juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Begitulah pengenalan am kepada Kampung Lundang ini.

Baginda Dato' Panglima Perang telah berkahwin dengan Engku Che' Nik iaitu Puteri Sulong Baginda Long Gafar dan mendapat dua Putera iaitu Wan Sulong dan Wan Sulaiman bergelar Dato Lela Perkasa Tua serta seorang Puteri yang bernama Wan Bulat atau Wan Aminah iaitu Nenda kepada Dato Maha Menteri Kelantan Che' Had. Selepas Dato' Panglima Perang mangkat pada tahun 1830 tempatnya telah digantikan oleh puteranya iaitu Wan Sulong atau Wan Muhammad dengan gelaran Dato' Panglima Perang Lundang yang ke-II dan dipanggil masyhur Dato' Mekong iaitu singkatan dari gelaran Siam "Phra Chou Mekong Phaya Lundang" sehingga mangkat pada tahun 1846.

Selepas daripada Dato' Mekong mangkat, maka DYMM Sultan Muhammad-II telah melantik puteranya iaitu Wan Senik Besar atau Wan Nik pula memerintah Daerah Lundang dengan bergelar Dato' Panglima Perang Lundang yang ke-III dan dipanggil rakyat dengan

nama Dato' Besar sehingga mangkat pada tahun 1867 dan digantikan oleh menantu Dato' Besar iaitu Wan Musa putera Wan Hassan Bin Wan Sulaiman bergelar Dato' Panglima Perang Lundang yang ke-IV yang sangat masyhur dikalangan rakyat dipanggil dengan nama Dato' Lundang.

Untuk makluman tambahan, Mufti Hj.Wan Ishak Bin Imam Hj.Abdullah atau biasa juga dipanggil Mufti Tok Pelanduk iaitu Mufti dizaman awal Pemerintahan DYMM Sultan Muhammad-IV yang mengantikan Mufti Hj.Nik Wan Daud pada tahun 1907 adalah dari keturunan Al-marhum Dato' Besar sebelah ibunya yang bernama Wan Minah Binti Orang Kaya Lundang Wan Ishak (Orang Kaya Panglima Amar D'Raja Lundang) Bin Wan Senik Besar atau Wan Nik (Dato' Besar Raja Lundang- IV)

Pada waktu zaman pemerintahan Dato' Lundang memerintah Daerah Lundang, khususnya pada Kampung Lundang telah mengalami kemajuan dan pola perubahan infrastruktur yang ketara dimana salah satunya ialah pembukaan kawasan baru penanaman padi iaitu kawasan yang sekarang ini bermula dari My Bank Lundang hingga ke Kampung Bayam mengantikan tempat lama iaitu kawasan tebing sungai Lundang yang telah tercemar, tidak selamat serta berpenyakit akibat daripada ternakan mati dan reput natijah daripada Peristiwa Angin Besar di Kelantan tahun 1880 dan diikuti bencana Alam berikutnya pada tahun 1881 hingga tahun 1884 atau sesetengah riwayat pula menyebut hingga tahun 1886 yang mana telah menyebabkan terjadinya Wabak penyakit berjangkit seperti Taun, malaria dan lain-lain lagi.

Akibat daripada peristiwa ini, kebanyakkan penduduk Kampung Lundang Tradisional ini terutama penduduk dikawasan bawah lembah Kampung Lundang sekarang dan dikawasan sekitarnya telah berbuat penempatan baru (berpindah daripada kawasan bawah lembah kapada kawasan tanah tinggi atau darat) yang sekarang inilah terletaknya Kampung Lundang iaitu Kampung Lundang Moden dan pada waktu kemudian daripada itu, baharulah penduduk Kampung Lundang Tradisional khususnya dibahagian barat telah berpecah serta wujud menjadi beberapa kelompok masyarakat akibat kesan disebabkan terpisahnya daripada pengaruh Pentadbiran Penghulu Kampung Lundang Moden itu sendiri,

Seterusnya daripada beberapa kelompok itu, maka timbulah nama-nama kampung yang baru secara berperingkat-peringkat seperti kewujudan kepada nama Kampung Bawah Lembah Lundang (sekitar kawasan Taman Restu), Kampung Belukar, Kampung Paya Senang dan Kampung Bawah Lembah Bunut Payong (pecahan daripada Kampung Bawah Lembah Lundang pada awal abad ke-20). walaubagaimana pun keempat-empat Kampung ini masih lagi terletak didalam Daerah Lundang yang dibawah pemerintahan Dato' Lundang termasuk Kampung Bunut Payong yang dibuka pada akhir abad ke19 yang berawal sebagai sebuah unit Kampung kecil yang terletak disekitar kawasan Masjid Mukim Bunut Payong hingga kesekitar sebelah barat kawasan Madrasah Ahmadiah sekarang kemudian menganjur ke sebelah tebing Sungai Bunut Payong yang kedua disebelah selatan.

walaubagaimanapun kedua-dua Kampung ini termasuk Kampung Bunut Payong masih lagi terletak didalam Daerah Lundang yang dibawah pemerintahan Dato'Lundang. diberitakan semasa berlakunya kebangkitan Rakyat menentang Penjajahan Inggeris yang diketuai oleh Al-Syahid Tok Janggut diPasir Putih pada tahun 1915, bahawa Dato'Lundang bersama-sama dengan Dato'Bentara Setia Nik Mahmud dan Dato' Menteri Kelantan Che'Hasan telah menjalankan kegiatan Diplomasi antara pihak Tok Jangut dan Engku Besar Tuan Ahmad iaitu bekas Pemerintah tradisional daerah Jeram Pasir Putih dengan pihak Kerajaan Kelantan diKota Bharu dan juga Pihak Inggeris. sebelumnya pada tahun 1909 akibat daripada Perjanjian British-Siam maka peranan corak pemerintahan tradisional daerah Lundang telah ditukar dan berubah kepada corak pentadbiran moden yang dibawa oleh Penasihat British diKelantan. akibat daripada peristiwa ini, Dato'Lundang telah diberi pencen seumur hidup dan kemudian mangkat dalam tahun 1926 dan dimakamkan ditanah perkuburan besar kampung Lundang(bersebelahan dengan sekolah kebangsaan Lundang).dengan ini selepas dari tahun 1909 atau sejak tahun 1904 lagi daerah Lundang telah ditadbir secara moden yang diketuai oleh seorang Ketua Daerah bergelar Penggawa sehingga pada tahun dekad 1970 apabila daerah Lundang telah dipecah dan digantikan menjadi daerah Kubang Kerian.

KAJIAN LITERATUR

Sejarah merupakan satu fakta yang telah dikaji dan tidak boleh diubah dengan sewenang-wenangnya. Nang Naemah Nik Dahalan, (2014) menyatakan didalam penulisannya Sastera Rakyat merupakan warisan silam yang tidak ternilai dan menurut sarjana sastera Barat, sastera rakyat merupakan satu bentuk pelarian masyarakat daripada masalah kehidupan. Perkara ini kemudian dapat diulas dengan lebih lanjut seperti apa yang diperkatakan oleh Tradisi Lisan: Satu Penilaian Semula ditulis Dr. Haji Syed Abdullah,(2011). Didalam artikelnya Richard M. Dorson (1973) menyebut *Folk Literature* dikenali juga dengan *Oral Literature* (Kesusasteraan Lisan) atau *Verval Art* (Seni Tuturan) atau *Expressive Literature* (Kesusasteraan Ekspresif) yang merangkumi Bahasa Rakyat, Nyanyian Rakyat, Cerita Rakyat, Puisi Rakyat, Ungkapan Rakyat (peribahasa) dan semua prosa dan puisi tradisi, sama ada dalam bentuk cerita dan bukan cerita yang diperturun atau disampaikan secara lisan. lisan.

Dr. Haji Syed Abdullah,(2011).. Juga menyatakan beberapa ciri kesusasteraan Melayu seperti Penyebaran dan pewarisannya dilakukan secara lisan Untuk mendapat bentuk yang mantap, Kesusasteraan Rakyat wujud dalam bentuk yang tradisi tetap dan sebagainya, namun masih ramai lagi yang memandang enteng perkara sebegini dalam melakukan kajian sejarah lisan.

Apa yang bakal ditulis dalam kajian literatur ini mengaitkan beberapa kisah cerita rakyat lain, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada Dato Panglima Perang Lundang yang menceritakan asal usul beliau serta bakti beliau kepada masyarakat setempat khususnya di Lundang negeri Kelantan. Nang Naemah Nik Dahalan, (2014) mengkategorikan genre sastera rakyat melayu kepada dua jenis iaitu berbentuk cerita (*naratif*) dan bukan cerita (*bukan narratif*). Cerita binatang, cerita penglipur lara, cerita asal-usul, cerita teladan, cerita jenaka, mitos dan lagenda merupakan contoh sastera rakyat yang berbentuk cerita. Manakala sastera rakyat buka cerita ialah dalam bentuk puisi seperti pantun, syair, nazam atau dikir, seloka, teromba, gurindam dan sebagainya. Puisi ialah karangan berangkap, mempunyai

aturan-aturan yang tertentu, teratur, terikat dan tersusun mengikut undang-undangnya yang tertentu

Dato Panglima Perang ke-4 ataupun Dato Lundang juga dikenali sebagai Haji Wan Musa bin Wan Hassan adalah merupakan tokoh yang tidak asing lagi di negeri Kelantan ini. Beliau telah menggantikan Dato' Besar mangkat pada tahun 1867. Dato Lundang amatlah disegani oleh penduduk setempat ketika itu. Menurut encik Haji Wan Yusoff bin Wan Sulaiman, (2017) perwatakan Dato Lundang sebagai Panglima Perang adalah mendamaikan sebarang kejadian yang membawa kepada sebarang perperangan. Tubuh badannya amatlah besar sehingga terdapat satu cerita dimana beliau pernah dihempap pokok kelapa dan masih mampu berjalan tanpa mengalami sebarang kecederaan parah. Antara kisah yang amat dikenali rakyat ketika itu adalah pengiktirafan pangkat Dato Panglima Perang. Dizaman pemerintahan Sultan Mulut Merah ataupun dikenali sebagai Long Senik Mulut Merah yang kemudiannya menggunakan gelaran Sultan Muhamad II terdapatnya satu perperangan yang mana negeri Kelantan hampir tewas dan disaat itu jugalah Dato Lundang datang untuk membawa kemenangan. Menurut Apa yang diceritakan encik Haji Wan Yusoff bin Wan Sulaiman, (2017). Ketika itu Sultan berada didalam pelukan Dato Lundang sambil tangan kananya menikam musuh. Selepas perang itulah beliau diiktirafkan sebagai Dato Panglima perang Lundang.

Kesimpulannya apa yang diceritakan merupakan khazanah warisan yang diturunkan dari generasi ke generasi seterusnya dimana sejarah ini bukan sahaja dianggap sebagai bahan hiburan semata-mata malah berperanan untuk membentuk jati diri budaya masyarakat dizaman sekarang agar tidak hanyut ditelan budaya moden.

TRANSKRIP TEMUBUAL

Petunjuk:

AH:Haji Wan Yusof bin Haji Wan Sulaiman

MAA:Mohd Aqil Afnan bin Derahman

NS: Nur Syuhada binti Mat Husin

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA

MAA : Okay Assalamualaikum Ayah Haji, (AH mengiyakan) kita mari hari ni untuk tahulah serba sedikit sejarah mengenai Dato Panglima Perang. Betul dok? [Betul tak?] (NS mengulangi kembali) Peristiwa-peristiwa yang berlaku. So, [jadi] mula-mula kita nak tahulah salah silah Ayah Haji.

AH : Salah silah Ayah Haji dulu? (MAA dan NS serentak mengiyakan)

NS : (NS mengiyakan), jadinya mula-mula kita nak tahu nama penuh Ayah Haji?

AH : Nama penuh Haji Wan Yusoff

NS : Haji Wan Yusoff bin?

AH : Wan Sul.Haji Wan Sulaiman (bunyi angin bertiup)

- NS : Okay. Adakah Ayah Haji ini nama panggilan Ayah Hajilah?
- AH : Nama Ayah Haji adalah panggilan di bawah peringkat anak ni semuanya Ayah Haji.
- NS : Sekarang ini umur Ayah Haji itu berapa?
- AH : *Tujuh puluh enam* [76].
- NS : *Tujuh puluh enam* [76]?
- AH : Haa [Mengiyakan]
- NS : *Bakpo* [kenapa] orang panggil Ayah Haji ini dengan nama Ayah Haji?
- AH : Pasalnya Ayah Hajilah boleh dikatakan peringkat umur Ayah Haji ini yang mula-mula menjadi Haji (NS Mengiyakan) jadi tiada lagi umur sebaya bahkan orang-orang tua pun jarang sekali (NS bersetuju) di Kampung Lundang ini pergi haji. Ayah Haji tahun *empat puluh sembilan* [1949] sudah pergi haji.
- NS : Jadinya pekerjaan Ayah Haji itu *gapodio* [apa] Ayah Haji duduk buat?
- AH : Mula-mula sekalinya duduk kerja gini *ah* [macam ini saja]. Lepas itu apabila

Ayah Ayah Haji ini tua dah, dia jadi *tok Penghulu* [Penghulu] juga sini selepas pada tok penghulu yang pertama tu Ayah Haji lah pula jadi. (NS mencelah) pada tahun *tujuh puluh enam* [1976]. (bunyi ayam mencicit) (bunyi suara isteri Ayah Haji memanggil cucunya)

NS : **Ayah Hajinya ada *mengaji* [belajar] ke? Peringkat taraf mana?**

AH : Ayah Haji mula-mula sampai ke sekolah menengah, duduk sekolah menengah dalam *dua* [2] tahun (bunyi burung berkicau) Ayah Haji pergi ke Mekah pada tahun *lima puluh sembilan* [1959].

NS : **Tarikh kelahiran Ayah Haji?**

AH : *Sembilan belas empat puluh satu* [1941].

NS : *Sembilan belas empat puluh satu* [1941]. Kalau *detail* [secara terperinci] dianya berapa hari bulan?

AH : *Dua belas* hari bulan *dua belas* tahun *empat puluh satu* [12/12/1941]

NS : **Nak tanya keturunan ibu bapa Ayah Haji?**

AH : Keturunan Ayah Haji setakat yang Ayah Haji tahu, keturunan asalnya Arab.

NS : **Asalnya dululah? (AH mengiyakan). Lepas itu, Ayah Hajinya di besarkan dimana?**

AH : Dilahirkan pun di Lundang dan dibesarkan pun di Lundang.

NS : **Selepas itu Ayah Hajinya duduk menetapnya?**

AH : Di Lundang.

NS : **(Tergelak kecil). Kalau semua adik beradik Ayah Hajinya ada berapa?**

AH : Ada *empat* (4).

NS : ***Empat* (4) orang. Ayah Haji sendirinya anak ke?**

AH : Apa tu?

NS : **Anak ke berapa Ayah Haji sendiri tu?**

AH : Anak yang ke (berfikir sejenak) kalau mengikut ayah anak ke *empatlah* (4).

NS : Anak ke bongsu?

AH : Bongsulah

NS : Kalau nama emak Ayah Haji?

AH : Nama emak, Hajjah Kalsom Binti Salleh.

NS : Nama ayahnya?

AH : Haji Wan Sulaiman (NS mengulangi ayat) bin Wan Yaakob

NS : Ayah Haji dah menikah ke? (tergelak)

AH : Heh? [minta di ulang soalan]

NS : Di tanya Ayah Haji dah kahwin ke?

AH : Memang kahwin dah.

NS : Nama *bini* [isteri] Ayah Haji?

AH : Asiah Mahmud, Hajjahlah Hajjah. (NS mengulangi nama isteri Ayah Haji)

NS : Selepas itu, *bini* [isteri] Ayah Haji itu, isteri itu berasal dari mana?

AH : Dari Lundang juga. Lahirnya dari Lundang, duduk pun bermastautin di Lundang.
(AH menghalau ayam)

NS : Ayah Hajinya ada anak cucu cicit?

AH : Anak *sembilan* [9] (bunyi burung berkicauan) (NS mengulangi ayat Ayah Haji)
hmm cucu *tiga puluh lima* [35], cicit *enam* [6].

NS : Apakah minat Ayah Haji? Ayah Haji suka buat *gapo* [apa]?

AH : Minat Ayah Haji ini (bunyi cicak) bercucuk tanam dan memelihara binatang
seperti lembu, kambing, biri-biri, ayam.

NS : Anak-anak Ayah Haji itu menikah dah?

AH : (Bunyi ayam) Yang kahwin *enam* [6] (NS mengulangi) *tiga* [3] lagi belum.

NS : Selepas itu Ayah Haji ini ada ke bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan pasal sejarah tadilah (MAA mencelah)

AH : Ada kaitan keluargalah.

MAA : Barang-barang dia ada simpan tak, contoh (bunyi burung berkicau) buku, kitab- kitab dia dulu ke?

AH : Tak ada, Cuma kita tahu lebih kurang. (NS dan MAA mengiyakan) tahu dia ini dengan ayah ini rasa dalam pangkatan Pak sahaja baru.

NS : Kiranya Ayah Haji ini kalau berkait, Ayah Haji ini keturunan ke berapa berkait dengan Dato Panglima?

AH : Kalau kira setakat panglima ini? Baru cucu sahaja baru. Baru yang ketiga. (NS meminta kepastian) sebab ayah dengan dia itu pak, kita cuculah. (bunyi burung berkicauan)

NS : Kalau macam Ayah Haji boleh ke cerita sikit pasal adik-beradik Ayah Haji.

AH : Cerita bagaimana tu? Cerita keadaan semasa (NS mengiyakan) dia ke ataupun pekerjaan? Dia perempuankan (bunyi burung berkicau) perempuankan

maklumlah selaku suri rumahlah (NS bertanya mengenai adik beradik semua perempuan?) haa (AH mengiyakan) semua perempuan, mati dah seorang, tinggal lagi dua.

NS : Selepas itu tinggal dengan siapa sekarang ni?

AH : Duduk di Lundang jugak (bunyi angin bertiup)

NS : Kedua-duanya?

AH : Tinggal sekalilah.

NS : Nak tanyalah boleh ke Ayah Haji *oyak* [ceritakan] serba sedikit pasal zaman-zaman dulu Ayah Haji, zaman sekolah *lagumano* [bagaimana]?

AH : Zaman sekolah tu *supo* [serupa] tadilah, Ayah Haji belajar Sekolah Kebangsaan Lundang sampai kelas *lima* [5], oleh kerana tiada dah kelas pergi ke Sekolah Langgar kelas *enam* [6], kelas *enam* [6] boleh pergi ke sekolah menengah. Pergi ke sekolah menengah tu Ayah Haji dalam tahun *dua* [2] tu Ayah Haji pergi ke Mekah. Tahun *lima puluh sembilan* [59], budak lagi masa tu umur dalam *lima belas* [15], enam belas [16] begitulah duduk sana dalam *lima, enam* [5, 6] tahun baru Ayah Haji balik. Ayah Haji balik tahun *enam puluh tiga, enam puluh empat*

[1963/1964], *enam puluh empat* [1964] Ayah Haji dapat jadi Ustaz di sekolah kebangsaan. *Posting* [Penempatan Kerja] dia hantar di Hulu Jerunggul Hulu Kelantan, Hulu Kuala Krai. Mengajar lebih kurang *dua* [2] tahun, Ayah Haji berhenti. Masa itu kan, maklumlah hutan lagi, jalan ikut sungai. (NS: susah) susah. Gaji tu padan dah masa tu kata *sembilan puluh* [90] *riyal* [ringgit] pun masa itu, beras *seriyal* [seringgit] lebih.

NS : Selepas itu daripada selain Ayah Hajilah, macam adik beradik Ayah Haji ada tak terlibat dengan sejarah-sejarah *hok* [yang] berlaku tadi.

AH : Tiada pasal dia peringkat baru benar lagi.

NS : Selepas itu adik beradik Ayah Haji ada tak tahu pasal kisah-kisah ni?

AH : Tahu pun, eh rasa nya tidak tahu. (MAA mencelah)

NS : Selepas itu anak-anak Ayah Haji sendiri tahu ke kisah ni?

AH : Anak-anak tu macam *hok* [yang] sulung tu tahu lah lebih kurang kerana dia orang yang bersekolah. (bunyi cicak)

MAA : Ada tak antara anak-anak Ayah Haji ke, cucu cicit ke apa semua kan *hok*

[yang] pernah kena temu ramah *ko* [oleh] siapa-siapa?

AH : Sejarah ni?

NS : Haa [mengiyakan] sejarah ni.

AH : Tak ada.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG MANDUR MIS

MAA : Okay (Bunyi burung berkicauan) Nak *start* [mula] tanya pasal Baginda Mandur Mis dahulu. Okay mula-mulanyalah, soalannya hampir sama macam tadi juga [merujuk kepada soalan asal usul Ayah Haji] kami mahu tahu dahulu nama penuh Baginda Mandur Mis.

AH : (Bunyi kereta) Nama penuh dia serupa *hok* [yang] tengok (bunyi burung berkicauan) sebeginulah seperti yang tercatit itulah [merujuk kepada laman blog yang kami tunjukkan kepada Ayah Haji] Tuan Khomis kan Bin Tuan Kahar atau Zahar datuknya-datuknya (MAA bersetuju) Tahar.

MAA : Ada tak nama lain panggilan lain Sultan ke apa ke?

AH : (Bunyi burung berkicauan dan angin berderu) Setahu Ayah Haji tiada (MAA mengesahkan kembali jawapan)

MAA : Selepas itu nak (burung berkicau dan cicak berdecik) tahulah kenapa Mandur Mis di (MAA tergagap) *gapo* (apa) peroleh nama Mandur Mis itu bagaimana?

AH : Dia Mandur ini dia, taraf dianya (bunyi selipar cucunya berjalan dan burung berkicau dan angin berderu) serupa orang zaman sekaranglah maknanya mandur ini mengepalai oranglah kerana diangkat oleh Dato Panglima Peranglah (MAA

bersetuju) kerana dia hampir sama dengan Dato Panglima Perang ini (ayam berkокok dan bunyi pagar beranda dibuka cucunya) dan kalau tidak silap lagi dia pun ada hubungan keluarga juga (burung berkicau)

MAA : Jadi Baginda Mandur Mis ini sebenarnya dianggap sebagai Sultanlah kiranya raja kawasan Kampung Lundang ke bagaimana?

AH : (Burung berkicau) kira pem, macam pembesarlah juga, bawah-bawah pada Dato Panglima Peranglah.

MAA : Ayah Haji tahu tak berapa, dimana taraf pendidikan dia (burung berkicau) setaraf pondok ke?

AH : Dia (AH berfikir sejenak) setaraf pondok sahajalah seingat.

MAA : Tarikh kelahiran?

AH : Tarikh kelahiran itu tak boleh nak *oyak* [cakap] juga betul sebagaimana yang terteralih (burung berkicau) [merujuk kepada laman blog yang kami tunjukkan kepada Ayah Haji] Ayah Haji tak boleh nak unkit sebab (NS mencelah) Ayah Haji tiada lagi bukan abad Ayah Haji (MAA mengiyakan).

MAA : Baginda Mandur Mis ini keturunan apa dia?

AH : (Angin berderu) Rasanya dia ini berketurunan Arab juga (MAA mengesahkan)
Cuma (burung berkicau) dia bermastautin di (burung berkicau dan angin
berderu) Masa itu Patani bukan Thailand ia Malaysia (NS mencelah) (NS
mengesahkan kembali jawapan) ya walaupun Ayah Haji (burung berkicau) pun
berasal dari Patani juga (MAA bersetuju)(NS mencelah) maknanya Arab datang
kemari bersinggah di situ.

**MAA : Masa, kalau setakat Ayah Haji ingatlahkan Ayah Haji tahu tak kalau cara
dia dibesarkan dahulu (AH: Siapa itu?) Baginda Mandur Mis.**

AH : Cara dia dibesarkan seperti mana orang-orang kampung biasa (MAA
mengiyakan) (angin berderu diiring suara cucunya kedengaran samar-samar)
tiada, yalah sebab masa itu hospital pun tiada.

MAA : Jadi tempat kelahiran asal dia sebenarnya? (suara cucunya samar-samar)
Patani itulah?

AH : (Berfikir sejenak) Rasanya Mandur Mis sendiri ini lahirnya tidak di Lundang
(MAA bersetuju) (ayam berkокок) rasanya di Patani juga (ayam berkокок
burung berkicau diiring suara cucunya kedengaran samar-samar)

MAA : Jadi sepanjang dia hiduplah? Dia tinggal bersama siapalah?

AH : Dengan keluarga dialah (MAA mengesahkan kembali jawapan)

MAA : Ayah Haji tahu tak berapa banyak bilangan adik beradik dia?

AH : Tak boleh nak *oyak* [bagitahu], (MAA bertanya kembali) yang ingatnya adik beradik dia ada perempuan *dua* [2] lelaki *dua* [2] (cicak berdecik) tapi yang selepas daripada Mandur Mis ini kita tidak tahu nama.

MAA : Tahu tak dia anak yang ke berapa?

NS : Anak yang pertama dia ini (cicak berdecik) (MAA mengesahkan kembali jawapan)

MAA : Okay (suara isteri Ayah Haji memanggil cucunya) (AH menasihati cucunya agar diam) (burung berkicau) baginda Mandur Mis dia menikah dah ke?

AH : Haish rasa dia sudah berumah tangga.

MAA : Tahu tak apa nama *bini* [isteri] dia ke?

AH : Tidak tahu.

MAA : (Burung berkicau) dia ada cucu cicit tak?

AH : Memang (burung berkicau).

MAA : Berapa?

AH : Tak dapat nak *oyak*[beritahu]

MAA : Ayah Haji ada tak antara yang Ayah Haji kenal cucu-cicitnya (suara cucu Ayah Haji)?

AH : Tidak tidak (MAA mengesahkan kembali jawapan)

MAA : Barulah kita masuk bahagian Dato Panglima (Ayah Haji menyuruh cucu dia diam)

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG DATO PANGLIMA PERANG LUNDANG

MAA : Barulah kita hendak masuk bahagian yang Dato Panglimalah ini. Okay, nama penuh Dato Panglima Perang? (suara cucu bercakap)

AH : Nama penuh tak silap Haji Wan Musa (MAA bertanya kembali) bin Wan Hassan. Tidak sah tu.

MAA : Dia dengan Dato Panglima, Dato Panglima itu (suara Ayah Haji meminta cucunya pergi). Pada Ayah Haji, Dato Panglima Perang ini pada Mandur Mis ini siapa dia? Baginda Mandur Mis ini anggap Dato Panglima Perang ni sebagai *gapo* (apa)?

AH : Dia anggap macam ketua dialah. (MAA mengiyakan) Dato Panglima Perang adalah orang yang dia patuhlah. Ketua dia.

MAA : Waktu, eh waktu pula. Tarikh usia dia masa dia meninggal?

AH : Itu, itu Dato Panglima Perang? (MAA mengiyakan). Rasa dia tidak tua *mano* [sangat] dalam lingkungan tak sampai *seratus* [100] lah. Dalam *tujuh puluh* [70] lebih ke, *lapan puluh* [80] lebih begitu lah, *enam puluh* [60] lebih *alah* [menuju] ke atas. Dia tidak tua meninggal.

MAA : Bagaimana dia boleh dapat nama Dato Panglima Perang?

AH : Asalnya masa itu Sultan Negeri Kelantan kalau tak silap saya Sultan Muhammad yang ke (berfikir sejenak) Sultan Muhammad Mulut Merahlah tak usah yang ke *empat* [4] ke *lima* [5] Sultan Muhammad Mulut Merah berperang dengan siapa dia berperang (AH cuba mengingati kembali). Masa berperanglah biarlah dengan siapa pun. Jadi sudah tewas. Haa sudah tewas kerajaan negeri Kelantan ini jadi orang datang beritahu dia di Lundang ni Sultan kita sudah teruk dah. Dia pun pergi, pergi itu dia ambik Sultan tu *kelek* [dipapah] sebelah, tikam sebelah. (MAA bersetuju) haa, kelek sebelah *alik* [bahagian] kiri, dia pun tikam. Tikam itu dapat kemenangan pada dia itu barulah dia dinamakan Dato Lundang, Dato Panglima Perang. (NS mengesahkan kembali) haa maknanya penghargaanlah dan dia Dato Lundang ini beberapa tawaran pun dia tidak nak kepada pangkat sangat *setara* [setaraf] itu dia. (bunyi pintu dihempas)

MAA : Kira tugas dia sebagai Panglima Perang ni *gapo* [apa] dia?

AH : Tugas dianya sebagai melawan orang-orang yang jahat. Dialah, tugas dialah itu. Orang-orang jahat, dialah ambil, nasihat, masukkan *jail* [penjara] apa semua tu., tugas dianya. (bunyi pintu ditutup serta tapak kaki berjalan)

MAA : Taraf pendidikan dia, Dato Panglima Perang?

AH : Taraf dia ini sekadar pondoklah. (MAA mengesahkan kembali jawapan) sekadar pondok

MAA : Ayah Haji ingat tak tarikh kelahiran dia ke?

AH : Tak ingat.

MAA : Okay. Keturunan Dato Panglima Perang ni juga?

AH : Keturunan Dato Panglima Perang pun kemungkinan besar Arab jugak.

MAA : Okay. Dia dibesarkan dimana Dato Panglima Perang? Tempat dia lahir?

Tempat dia menikah ke?

AH : Rasa dia dibesarkan di Lundang juga sebab keluarga dia Haji Wan Musa pun di sini dah. Dia sendiri *pah* [kemudian] anak dia Haji Wan Mahmud, anak Haji Wan Mahmud, Pak Nik Man, Ayah Haji rasa dia lahir pun di Lundang, membesar pun di Lundang (bunyi kicauan burung)

MAA : Jadi dia mastautin pun di Lundanglah?

AH : Haa(mengiyakan berulang kali)

MAA : (Bunyi burung berkicau) Okay dia tinggal dengan keluarga dia ke? (bunyi selipar diseret)

AH : Keluarga dia.

MAA : Ayah Haji tahu tak dia ada berapa banyak adik beradik?

NS : Tak tahu.

MAA : Tak tahu? Okay, macamnilah Haji tahu, Ayah Haji rasa dia tu ada adik beradik?

AH : Ada

MAA : Ada. Okay, Ayah Haji tahu tak nama emak dia ke, nama ayah dia ke?

AH : Tidak tahu.

MAA : Okay. Dia menikah tak?

AH : Menikah.

MAA : Menikah? Nama *bini* [isteri] dia?

AH : Nama isteri dia pun tak boleh nak *oyak* [cakap].

MAA : Dia ada tak anak cucu cicit? (bunyi burung berkicau)

AH : Memang ada. Anak cucu cicit dia sehingga sampai hari ini pun ada lagi.

MAA : Kira Ayah Haji dengan anak cucu cicit dia itu apa ada berkait?

AH : Berkaitan macam itu sajalah tapi yang tulennya ada macam arwah Pak Nik Man cucu dia. Arwah Pak Nik Ahmad cicit, anak Nik Ahmad ciat dah. Ada *tiga* [3] generasi dia *loni* [sekarang ini].

MAA : Jadi kebanyakannya daripada mereka dah meninggal?

AH : Cicit dia ada, *ciat* [generasi ke empat] dia ada.

MAA : Umur dia berapa?

AH : Umur baru sahaja dalam *lima puluh* [50] sahaja barangkali. (MAA mengiyakan)

dia anak cucu cicit ciat baru yang ke *lima* [5] lah.

MAA : Biasanya lah (bunyi burung berkicau) Dato Panglima Perang biasa buat apa pada waktu lapang dia, macam Ayah Haji berkebun (AH: yelah)

AH : (Ayah Haji mengiyakan) dia pun macam itu juga, berkebun secara kecil-kecilan. Menanam lebih kurang.

MAA : Dia dapat nama Panglima Perang ni, bila nama tu diiktirafkan?

AH : Nama itu selepas dia mendapat kemenangan perang sekali dengan Sultan Muhammad Mulut Merah macam itulah.

MAA : Jadi yang mengiktirafkan dia?

AH : Yang mengiktirafkan dia pun Sultan lah.

MAA : Oh Sultan dalam sejarah Kampung Lundang ini, sumbangan apa eh [ya] perubahan apa yang telah dia bawa ke dalam Kampung Lundang ni?

AH : Maknanya, perubahannya masa itu perompaknya banyak orang jahatnya banyak tetapi setelah dia jadi Dato Panglima Perang berkuranganlah pasal orang itu takut

pada dia, (NS mengiyakan) dia ini orang besar, tubuh, sedangkan orang jahat-jahat yang kena kes bunuh ini apa pun Sultan perintah dia suruh pergi *igak* [tangkap]. Dialah yang pergi *igak* [tangkap]. Orang tak berani lawan.

MAA : Okay. Selepas kita nak tahu lah kiranya terdapat sebarang peristiwa hitam selain daripada apa Sultan tadikan yang meninggal apa semua tu. Ada tak peristiwa hitam lain?

AH : Peristiwa hitam ini juga inilah masa jiran ke jirankan kampungkan berbalahkan, dialah jadi pendamainya. Misalan, kampung ini dengan Kampung Kubang Kerian umpamanya, berbalah. Dia pendamainya. (NS mengesahkan) makna adalah jasa-jasa dia itu. Berkuranganlah *baloh-baloh* [Pergaduhan] ini zaman dulu silap sikit gaduh. (NS dan MAA mengiyakan)

MAA : Ayah Haji tahu tak sifat-sifat dialah, tubuh badan dia ke (suara Ayah Haji) macam mana perangai dia?

AH : Dia, tubuh badan dia besar dan tinggi kalau pintu-pintu macam itu kena *nyokoklah* [membongkok]. (NS dan MAA mengiyakan). Pastu badan dia pula besar, di zaman tahun angin, dia ditindih oleh batang *nyor* [kelapa] *empat* [4] batang, pagi esok baru orang pergi angkat. Dia *duk* [berada] bawah tu (NS: bertanya) *molek-molek* [elok-elok].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SEJARAH KAMPUNG LUNDANG DAN KAITANNYA DENGAN DATO PANGLIMA

MAA : Baru masuk mula sejarah Kampung Lundang nilah, Kampung Lundang ni kaitannya dengan Dato Panglima Perang?

AH : Dia Kampung Lundang ini sebenarnya nama itu ada dari asal lagi sebelumnya Dato Panglima, Panglima Perang (burung berkicau) dapat gelaran Dato itu lagi (MAA:bersuara). Dia Lundang ini adalah yang dinamakan Kampung Lundang ini sedia ada Lundang (bunyi motor di seberang jalan) Lundang tu adalah erti orang zaman dulu tanah tinggi maknanya *lagumana* [bagaimana] banjir pun (deruan angin) orang lari mari ke Lundang sekolah itu Lundang betul itu, tanah tinggi lepas itu alur sini ini masuk Lundang dah[merujuk kepada rumah Ayah Haji] tanah tinggi (kambing mengembek) maknanya tidak ditenggelami air tanah tinggi dipanggilnya Lundang orang itu dulu bukanlah Lundang tu nama orang ke apa tak, Dato Panglima Perang itu pun sempena Kampung Lundang juga dinamakan Dato Lundang bukan dia itu ada kaitan ke tak maknanya dia tu dinamakan Dato Lundang kerana dia berada di Lundang (NS mencelah)

MAA : Lepas itu, kita nak tahu lah macam tadi *baloh* [perkelahian] kan? Yang mengenai Sultan itu kena apa masa Sultan itu meninggal peristiwa hitam juga ke Kampung Lundang itu ke sebelum Kampung Lundang itu dikenali

oleh orang ramai?

AH : Dia macam mana tu Ayah Haji kurang faham *lagumana* [bagaimana] Lundang *lagumana* [bagaimana]?

MAA : **Kampung Lundang (AH berdehem.) peristiwa Kampung Lundang ni la (AH mencelah) selain daripada misalnya *baloh* [perkelahian] dengan kampung jiran (AH mendengar teliti) lepas itu Sultan meninggal apa semua tadi kan dia, dia itu pendamai *lagumana* [bagaimana] peristiwa hitam tu boleh berlaku macam *baloh* [perkelahian] tadi.**

AH : Dia itu tabiat orang itu kampung dah nak berebut *handale* [handalan] pun *baloh*[perkelahian] misalnya yalah bermacam-macam kerena hlah nak jadi ke perkelahian itu maka *baloh*[perkelahian], *baloh* itu dialah ambil berdamai

MAA : **(Deruan angin) anggaran Pak Hajilah, Ayah Hajilah usia Kampung Lundang sejak (burung berkicau) ia mula dikenali, orang kenal Kampung Lundang ni? Usia kampung ni?**

AH : Kampung Lundang ini sebelumnya Sultan Muhammad lagi Lundang sudah ada nama (NS mengiyakan) (kambing mengembek) maknanya sebelum pemerintahan Sultan Muhammad lagi lu, Lundang kampung ini sudah dinamanya Kampung Lundang.

MAA : Jadi dalam berapa tahun, berapa puluh tahun dah?

AH : Sebelumnya? (MAA mengiyakan) tak boleh nak *oyak* [beritahu] tu sebelumnya (MAA bertanya kembali untuk kepastian). Anggarannya puluh-puluh tahun jugalah (MAA mencelah) eh (AH menafikan) tak seorang-seorang raja adalah dalam sepuluh tahun ke dua puluh tahun begitulah.

MAA : Jadi macam tadi Ayah Haji *oyak* [cakap] (burung berkicau) Kampung Lundang ini pernah dinaungi seorang raja nama raja tu?

AH : Raja tu raja *so* [jadi] sempena dinaungi oleh Sultan Muhammad Mulut Merahlah.

MAA : Jadi penghulu pertama Kampung Lundang ini

AH : Penghulu pertama yang dalam blog tadi nama apa? (NS menyatakan datuk Ayah Haji) eh (MAA mengulangi dan bertanya kembali) Tak adalah salasilah penghulu yang (bunyi motor) pertama, nama apa dah? (MAA merujuk kepada blog) (Ayah Haji membaca dari blog) (suara cucunya berteriak) kenapa dia jadi nama Wan Nik pulak sedangkan dia nama Haji Wan Musa siapa bagi (MAA menafikan) orang dalam internet dia pergi buat kajian-kajian(NS bersuara)

(MAA mencelah) (Ayah Haji merujuk kembali blog)

MAA : Jadi siapa nama dia (suara cucunya berteriak)?

AH : Nama Tok Penghulu yang paling dulu? (Suara cucunya berteriak dan burung berkicau) iaitu, selepas kemangkatan Dato Mekong rasa Wan Seniklah tahun *lapan belas enam puluh tujuh* [1867].

MAA : Jadi daripada dulu lagilah Ayah Haji pasal Kampung Lundang, masa itu Kampung Lundang *lagumana* [bagaimana] keadaannya orang ramai ke? Ke banyak penempatan rumah-rumah ke? Ke rumah sikit je?

AH : Rumah sikit sahaja, rumah Kampung Lundang betul pada umur Ayah Haji dah ada dalam belas-belas buah(burung berkicau) masuk rumah tuk moyang itu lepas itu rumah ayah Pak Sudin, *pah*[kemudian] rumah Pok Yeh lepas itu, sini rumah cucu Dato Lundang lepas itu sini *satu*[1] ada dalam *tiga belas*[13] *butir* [buah] tu rumah Ayah Haji ingat dah.

MAA : Kesan daripada dululah macam Dato Panglima mendamaikan apa antara kampung (AH mengiyakan) kepada penduduk Kampung Lundang macam mana, orang jadi *respect* [hormat] pada dia ke?

AH : Rasanya apabila orang *baloh* [bergaduh] dia adalah pendamainya (MAA bertanyakan soalan berkaitan) sambutan, sambutanlah(MAA mengiyakan)

MAA : Ada tak sebarang bukti atau bukti bertulislah sebarang peninggalan dia yang Dato Panglima?

AH : Tiada bertulis melainkan *satu* [1] itu sahajalah raja berperang dengan(Ayah Haji cuba mengingati balik) itu sahajalah yang dia maknanya ingatan orang ramailah, kerana raja negeri lepas itu kalau orang kecil kampung, orang tak ingat sangat

MAA : Ada tak sebarang bukti persinggahan dia macam tadi lorong titian(AH:Ah...lorong titian Dato lorong dialah itu) Bagaimana boleh nama lorong titian itu

AH : Pasal asal dia yang buat titian itu, dia yang mengerah orang

MAA : Ada sebarang bukti peninggalan lain tak selain titian dia, contoh keris dia ke?

AH : Tiada(Ayah Haji menghalau ayam) tiada peninggalan lain

MAA : Setelah dia meninggal kita ada dengarlah kubur dia ada *dua* [2]. Kubur

yang mana yang (MAA mengulangi ayat) mana kubur dia yang sebenarnya

AH : Kubur dia yang sebenarnya depan sekolahlah

MAA : Lepas itu kenapa ada orang yang cakap ada kubur yang kedua (NS mengiyakan)

AH : Haish, tiada (NS dan MAA mencelah) ya pandai-pandai orang (kambing mengembek), ataupun kubur keluarga dia, dia pergi cakap yang itu, kubur tulah depan sekolah Lundang (MAA bersuara)

MAA : Jadilah berapa lamalah kubur dia menjadi perhatian (AH berfikir sejenak) orang ramai sebelum ia jadi terbiar ke apa ke. Atau ada lagi yang mencuci kubur itu?

AH : Ianya lama juga kubur itu orang nak mengesah itu maknanya, lepas itu *muloh* [arwah] ayah Ada lagi, *muloh* [arwah] Tok Imam tua ada lagi dialah mengesah pasal ingatan dialah itu kata dia ditanam disitu orang itu, yang orang lain *oyak* [beritahu] bukan dialah yang ada *dua* [2] kubur tu.

MAA : Jadi Ayah Haji merujuk kepada siapalah untuk cerita pasal Dato Panglima Perang ini ataupun tahu daripada dulu lagi.

AH : Tahu, tahu daripada dulu lagi (MAA mengesahkan kembali jawapan) Ya tiada. Cuma ayah sahajalah (NS mencelah) ya *muloh* ayah ni tahun *Sembilan puluh enam* [1996] umur dia meninggal dia meninggal *seratus* [100] tahun lebih umur *satu ratus dua belas*[112]

MAA : Pengalaman Ayah Haji semasa mula-mula Ayah Haji menetap disini macam masa tadi ada cakap rumah sedikitkan? Jadi macam mana keadaan kampung semasa itu ada orang jahat juga ke?

AH : Ada, memanglah orang luar mari menyerang mari merompak (MAA bertanyakan kembali) tapi yang mempertahankan puak-puak ini lah puak-puak Dato Lundang walaupon Dato Lundang tiada dah(MAA mengesahkan kembali jawapan) ya termasuklah ayah Ayah Haji

MAA : Ayah Haji rasa macam mana sepanjang duduk di Kampung Lundang inilah?

AH : Okay, aman.

MAA : Ada tak benda-benda misteri berlaku sepanjang (bunyi burung berkukur) Ayah Haji duduk di Kampung Lundang dengar kata, dulu kita ada dengar satu penyakit yang datang kalau penyakit itu macam ketuk pintu macam

mana? (NS menyatakan penyakit Taun) (MAA mengiyakan) (NS menghuraikan kenyataannya.) (AH mengesahkan kembali)

AH : Memang ada umur-umur Ayah Haji ni ada sekali dia dia panggil *chikok* [penyakit Taun], *ceroh* [cerah] muntah apa itu kan (MAA mengiyakan) ada itu sekali (cikak berdetik) tapi *loni* [sekarang] tidak *dey* [sempat] abah kita ini tidak *dey* [sempat] melaratlah (burung berkukur) hospital apa. Tapi, selepas angin mulanya dia tiada hospital apa ramailah mati. Sekarang tiada dah.

MAA : Kalau *loni* [sekarang] ada tak macam gangguan-gangguan ke?

AH : Tiada, tiada, (NS mengesahkan) bunyi kata tiada langsung.

MAA : Sekarang Ayah Haji pergi melawat *sokmo*[selalu] tak kubur Dato Panglima Perang

AH : Bukanlah itu *sokmo* [sentiasa] kalau itu tu sekali setahun secara kebetulan (bunyi motor) kita nak melawat (MAA mengiyakan)

MAA : Lepas itu lagumana [bagaimana] keadaan kubur dia masa itu ada tumbuh rumput ke macamana (burung berkukur)?

Macam, macam biasa ada (ayam berkокok)orang jaga kubur cuci kadang-kadang kita *wi* [bagi] kita *wi* [bagi] ada berapa pun suruh dicucilah

MAA : Masa (bunyi motor) ada tak macam barang peninggalan dia yang Ayah Haji tahu ada dengan mana-mana dengan siapa-siapa dengan cucu (NS mencelah) cicit dia ke?

Ada sangat peninggalan dia macam keris tapi tak boleh nak tahu ada dengan cucu dia ke ada di hutan mana ke ataupun ghaib dengan macam itu sahaja ke.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: HARAPAN DAN PANDANGAN

NS : Ayah Haji rasalahkan, kisah macam Dato Panglima Perang wajib tak untuk orang awam, orang lain (MAA mencelah) tahu mengenainya?

AH : Molek benar [elok benar] pasal dia melayu, pasal apa ini, aktiviti dia dan jasa dia hok [yang] itu molek benar [yang itu elok benar]

NS : sebagai itulah rujukan

AH : Haa [bersetuju] sebagai kita pergi ke belakang yang jauh bukan *tiga puluh* [30] tahun jugak lah (NS mencelah) haa nak suruh orang tahu betapa besarnya Kelantan kita nak boleh jadikan pertuanan tu. (ayam berkокok) Sultan tu sampai sekarang baka Sultan Muhammad Mulut Merah lah itu *hok* [yang] di dalam kemenangan yang di perjuangkan oleh Dato Lundang itu haaa. Baguslah.

**NS : Jadinya macam Ayah Haji nak orang tahu apa semua (ayam berkокok)
Ayah Haji ada tak usaha-usaha Ayah Haji untuk pelihara cerita rakyat ni?**

AH : Ada, sampai *Sepein* [Sapiai', nama orang] buat satu buku haa sebab tu dia ambil... tapi cerita itu cerita barulah (ayam berkockok) tidaklah tepat benar.

MAA : Ada olahan jugalah? (MAA mencelah)

AH : Ya.

MAA : Pasalnya muzium pun nak ambil tahu juga pasal cerita ni. Pastunya Ayah Haji ada tak idea atau cadangan nak bagi cerita rakyat ni, (ayam berkokok) kisah Dato Panglima sampai kepada generasi muda-muda.

AH : Memang, kita nak suruh macam itu lah cerita kitanya. Nak bagi sekurang-kurangnya *satu* [1] orang melayu sokong raja untuk mengekalkan pemerintahan.

MAA : Macam yang Ayah Haji bagitahu tadilahkan, buat tubik [keluarkan] buku semua tu kan. Lepas itu, Ayah Haji rasa Kampung Lundang ni molek [elok] ke kita buat *satu* [1]tempat untuk kita macam *satu* [1]tempat yang buat yang orang datang orang tahu sejarah dia.

AH : Boleh juga. Molek [elok] juga kita buat macam mini, macam buku tadi, buku sejarah.

MAA : *Hok* [yang] last [terakhir] ini kan, dia kata kat sini macam ... (MAA bertanya pendapat Ayah Haji sama ada cerita pasal Dato Panglima boleh menaikkan sifat jati diri generasi muda)

AH : Rasa dengan kalau kita buat betul-betul sejarah ni dengan baiknya maknanya

dengan memberi kefahaman yang meluas kepada generasi muda ini saya rasa lebih yakinlah. (bunyi burung tekukur)

NS : Macam Ayah Hajilah (burung berkicau), Ayah Haji rasa *molek* [elok] tak negara kita, kerajaan kita macam amik tempat ni kita war-warkan, kita bagitahu semua orang?

AH : *Molek* [elok] lagi. Maknanya atas nama Dato Panglima Perang tu lah yang Kelantan kita ni sampai hari ini boleh (NS memberitahu adanya raja) (AH mengiyakan) boleh dengan amannya. Kita tidak umum dengan Malaysia lah. Sejarah Kelantan Dato Panglima Perang (burung berkicau) lah yang apa ni, *loni* [sekarang ni] tolong membangun dengan politik, dulu dengan *reng* [kudrat] perang. Buatlah pandai-pandai.(bunyi burung berkicau)

NS : Macam Ayah Haji ada tak macam cara-cara untuk kita bagi apa orang-orang ini tahu pasal ni, menarik perhatian lah nak suruh orang mari dengar cerita kisah-kisah ni. (MAA mencelah)

AH : Boleh, kita buat satu taklimatlah. Cari orang yang boleh mengeluarkan kata-kata yang berasas yang ekoran tu biar jadi tersusun *molek* [elok]. (Bunyi kambing mengembek) Eh rasa kalau dengan ceramah politik, orang nak dengar hok kita. (NS mencelah) kita mengadakan ceramah, mengadakan sejarah Lundang

seterusnya negeri Kelantan sebab asas nak boleh jadikan Kelantan ni dengan aman, ada raja dengan Dato penglima perang. Dia sudah nazak dah, kalau kira orang sakit tu, nazak dah nak *Kaloh* [kalah] haa perang tu. Orang datang *oyak* [bagitahu] tengah perang lagi tu sambar dia tikam sebelah pegang sebelah sehingga sampai menang.

NS : Berdasarkan cerita Panglima Perang ni kan, ada caralah untuk kita buatkan Kelantan ni harmoni?

AH : Haa (bersetuju) ada jalan lah.

NS : Adalah cara. Lagumana [bagaimana] agak-agak?

AH : Caranya mula-mula kita keluarkan risalah-risalah dulu. Pastu kalau orang dah separuh memahami atau suku memahami, kita mengadakan ceramah. Satu peneranganlah kalau kita kata.

NS : Macam Ayah Haji sendiri kan, Ayah Haji melalui cerita ni Dato Panglima Perang ni, Ayah Haji sendiri dapat apa pengajaran dia, nilai murni dia?

AH : Nilai murni dia, Ayah Haji berpegang kepada, kepada *gapo* [apa], misalan orang berbalah apa kita berada di tengah untuk memberi penyelesaian. Tidaklah kata

menyebelahi orang kampung kita, menyebelahi sebelah keluarga kita. Tidak. Kita duduk di tengah *oyak* [bagitahu] satu persatu. Balah ni *gini gini* [sebegini], (burung berkicau) idea kitalah macam mana.

NS : Lepas itu, macam Kampung Lundang ini. Dia ni di jaga oleh waris-waris Dato Panglima Perang ke macam mana?

AH : *Loni dok doh lah* [sekarang ini sudah tidak] *loni* [sekarang] jadi biasa saja lah (bunyi suara) hidup dalam undang-undang saja lah. (Bunyi burung) di zaman tahun belasan, sehingga sampaikan tahun *dua puluh* [1920] itu memanglah. (Bunyi burung)

NS : Kalau ginilah [macamnilah] pasal Mandur Mis tadikan, kaitan dia dengan Ayah Haji macam mana?

AH : Kaitan dia pun rasanya keluarga jugalah(NS mencelah)

NS : Jasa dialah kepada penduduk kampung *lagumano* [macam mana] jasa dia? Dia buat apa dia masa dia hidup?

AH : Jasa dia maknanya (suara kanak-kanak menjerit) ala kepimpinan aman lah. Maknanya dia bergantung kepada Dato Lundang juga.

MAA : Jadi setakat tu sajalah yang kami nak tahu.

TAMAT BAHAGIAN 5

RUJUKAN

- A. A. (n.d.). Kelantan Diperintah Empat Sahabat. Retrieved July 9, 2017, from <http://pp-sk.blogspot.my/2014/02/kelatan-diperintah-empat-sahabat-1765.html>
- Dahalan, N. N. N. (2014). Sastera rakyat Melayu: Sejarah dan genre-genre utama. *AL-MUQADDIMAH: Journal of Postgraduate Studies In Islamic History and Civilization*, 2(2).
- Sulaiman, S. A. S. (2011). Tradisi lisan: satu penilaian.

INDEKS

A

Alik, 25

B

Bakpo, 9

Baloh, 30, 32, 33, 36

Bini, 13, 22, 28

C

Chikok, 39

Ceroh, 39

Ciat, 28, 29, 30

D

Detail, 10

Dey, 39

G

Gapo, 9, 13, 18, 24, 25, 44

Gini, 45

H

Handale, 33

Hok, 16, 17, 18, 41, 42

I

Igak, 30

K

Kaloh, 44

Kelek, 25

L

Lagumano, 15, 14

Loni, 28, 39, 43, 45

M

Mano, 24

Mengaji, 10

Molek, 41, 42, 43

Muloh, 37, 38

N

Nyokok, 30

Nyor, 30

O

Oyak, 15, 19, 21, 22, 28, 34, 37, 44, 45

R

Reng, 43

Respect, 35

S

Start, 18

So, 34

Sokmo, 39

W

Wi, 40

LAMPIRAN

LOG TEMUBUAL

Nur Syuhada Binti Mat Husin dan Mohd Aqil Afnan bin Derahman menemuramah Ayah Haji yang tinggal di Kampung Lundang. Temubual tersebut telah dijalankan di rumah beliau, kami menemuramah beliau mengenai Kampung Lundang dan tokoh-tokoh yang pernah menaikkan nama Kampung Lundang.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PENCERITA		
0.00	Biodata pencerita termasuk nama, umur, tempat tinggal, nama samaran dan pekerjaan.	Kampung Lundang, Kota Bharu
3.10	Mengenai keluarga Ayah Haji	Nama mak: Hajjah Kalsom Binti Salleh. Nama ayah: Haji Wan Sulaiman Bin Wan Yaakob. Nama isteri: Hajjah Asiah Binti Mahmud.
7.24	Pendidikan Ayah Haji	Sekolah Kebangsaan Lundang Sekolah Kebangsaan Langgar Sekolah Menengah Sambung belajar di Mekah
8.25	Pekerjaan Ayah Haji suatu ketika dahulu.	Menjadi ustaz di Sekolah Hulu Jerunggul, Hulu Kuala Krai.
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOKOH		

10.06	Nama Penuh Mandur Mis	Tuan Khomis Bin Tuan Kahar/ Zahar
11.59	Pangkat Mandur Mis	Pembesar Kampung Lundang
12.13	Taraf Pendidikan	Belajar peringkat pondok sajaja.

Mengenai Dato Panglima Perang

15.09	Nama Penuh Dato Panglima	Haji Wan Musa Bin Wan Hassan.
16.40	Asal Nama Dato Panglima	Setelah berjasa menyelamatkan Sultan.
18.58	Mengenai keluarga Dato Panglima Perang	Masih mempunyai keturunan sehingga ke hari ini.
21.00	Pengiktirafan sebagai Dato Panglima Perang.	Sultan Muhammad Mulut Merah memberi pengiktirafan.
21.29	Sumbangan Dato Panglima Perang	Memastikan kampung selamat.

BAHAGIAN 3: SEJARAH KAMPUNG LUNDANG

23.23	Kaitan Kampung Lundang dan Dato Panglima Perang.	Nama Dato Panglima Perang atau lebih dikenali sebagai Dato Lundang diberi sempena nama Kampung Lundang.
28.55	Penghulu pertama Kampung Lundang.	Wan Senik
29.11	Keadaan Kampung Lundang pada zaman dulu.	Rumah hanya sedikit, dalam lingkungan 13 buah.
33.38	Peristiwa hitam atau misteri yang pernah berlaku di Kampung Lundang.	Penduduk dilanda sakit muntah-muntah. Ramai yang meninggal.

BAHAGIAN 4: HARAPAN PENCERITA

39.11	Idea dan cadangan dari pencerita untuk kekalkan cerita rakyat.	Keluarkan buku sejarah mengenai kisah ini dan adakan satu taklimat atau ceramah untukkenalkan kisah ini kepada semua orang.
-------	--	---

BIOGRAFI TOKOH

NAMA PENUH	TUAN KHOMEIS BIN TUAN KAHAR/ ZAHAR
NAMA GELARAN	MANDUR MIS
TAHUN MENINGGAL DUNIA	1898/1899
TUGAS	MANDUR BERMAKNA KETUA
PENDIDIKAN	SEKOLAH PONDOK
TEMPAT LAHIR	PATTANI

NAMA PENUH	HAJI WAN MUSA BIN HAJI WAN HASSAN
NAMA GELARAN	DATO LUNDANG/ DATO PANGLIMA PERANG
USIA SEWAKTU MENINGGAL DUNIA	70
TUGAS	MENJAGA KEAMANAN
PENDIDIKAN	SEKOLAH PONDOK
TEMPAT LAHIR	LUNDANG
SUMBANGAN KEPADA KAMPUNG LUNDANG	KAMPUNG MENJADI AMAN DAN TENTERAM

DIARI KAJIAN

TARIKH	PERKARA
8 MAC 2017	Pada minggu pertama sesi pengajian ini, Puan Nor Kamariah selaku pensyarah subjek “Oral History” telah memberikan tajuk tugasan yang perlu kami lakukan. Kami juga dibahagikan kepada 2 orang untuk setiap kumpulan. Kumpulan kami pada mulanya hanya berbincang mengenai tajuk yang sesuai untuk Ceritera Rakyat Kelantan. Sebanyak 4 tajuk telah kami kumpulkan pada hari tersebut.
15 MAC 2017	Di minggu kedua kelas kami, saya dan rakan mula memberikan fokus pada tajuk “Istana Salor” memandangkan kami biasa mendengar cerita datuk nenek moyang mengenai sedikit sebanyak sejarah terjadi. Kami juga mula mencari kisah Istana Salor dengan lebih serius di laman sesawang dan juga bertanya pada ibu dan bapa mengenai sejarah yang telah berlaku di Kampung Salor.
18 MAC 2017	Misi mencari pencerita mengenai Istana Salor bermula. Ibu kepada Syuhada berasal dari Kampung Salor mula mengambil inisiatif dengan berhubung melalui aplikasi whatsapp untuk bertanya tentang cerita Istana Salor. Malangnya, kumpulan di dalam aplikasi tersebut juga gagal memberi penerangan yang lebih tepat dan yang paling menduka citakan ialah mereka sendiri seakan baru pertama kali mendengar sejarah Istana Salor. Tapi yang menarik perhatian kami, orang ramai kebanyakannya sudah banyak mendengar dan mengetahui tentang sejarah yang berlaku pada puluhan tahun lalu.
19 MAC 2017	Kami mengambil keputusan untuk menukar tajuk kami kepada kisah Panglima Perang Dato’ Lundang. Kisah ini telah diceritakan sedikit oleh bapa Syuhada memandangkan beliau berasal dari Kampung Lundang dan beliau meminta agar kisah Dato Lundang diangkat sejarahnya kepada para pelajar universiti. Bapanya mula menunjukkan kubur Dato Lundang dan bercerita sedikit tentang kehebatan dan keberanian yang dimiliki oleh Dato Lundang. Kami mulai menjelak keturunan Dato Lundang yang masih ada di kampung tersebut memandangkan Dato Lundang adalah penduduk lama kampung itu.
15 APRIL	Kami mengadakan pra temubual dengan Ayah Haji di rumah beliau. Beliau

	<p>bersetuju untuk menjadi pencerita kami memandangkan beliau mengetahui serba sedikit mengenai Dato Panglima Lundang dan Mandur Mis. Kemudian kami berbincang mengenai tarikh yang sesuai untuk mengadakan temubual yang sebenar.</p>
2 MEI 2017	<p>Kami pergi ke rumah beliau pada petang harinya untuk mengadakan dan merakamkan temubual bersama beliau. Perjalanan kami hanya mengambil masa yang singkat memandangkan rumah beliau berada di Kota Bharu. Hasil temubual kami, kami mendapatkan rakaman sepanjang hampir satu jam dan kami akan menterjemahkan hasil temubual ini kepada transkrip.</p>

SENARAI SOALAN

SOALAN KAJIAN

BIODATA AYAH HAJI

1. Apakah nama penuh Ayah Haji?
2. Adakah Ayah Haji nama panggilan anda?
3. Berapakah umur Ayah Haji?
4. Mengapakah Ayah Haji diberi nama panggilan sedemikian?
5. Apakah pekerjaan Ayah Haji?
6. Apakah taraf pendidikan Ayah Haji?
7. Bilakah tarikh kelahiran Ayah Haji?
8. Apakah keturunan ibubapa Ayah Haji?
9. Dimanakah tempat kelahiran Ayah Haji?
10. Dimanakah Ayah Haji dibesarkan?
11. Dimanakah Ayah Haji menetap?
12. Ayah Haji menetap dengan siapa?
13. Berapakah bilangan adik-beradik Ayah Haji?
14. Ayah Haji anak yang ke berapa?
15. Siapakah nama ibu Ayah Haji?
16. Adakah Ayah Haji berkahwin?
17. Siapakah nama isteri ‘Ayah Haji’?
18. Isteri Ayah Haji berasal dari mana?
19. Adakah Ayah Haji mempunyai anak/cucu/cicit?
20. Berapakah bilangan anak/cucu/cicit Ayah Haji?
21. Siapakah bapa Ayah Haji?
22. Apakah minat Ayah Haji?
23. Adakah anak-anak Ayah Haji sudah berkahwin?
24. Ayah Haji mempunyai bahan-bahan rujukan?
25. Dari manakah Ayah Haji mendapatkan bahan-bahan tersebut?
26. Ayah Haji adalah keturunan yang ke berapa?
27. Bolehkah Ayah Haji ceritakan serba sedikit tentang adik beradik Ayah Haji?
28. Apakah pekerjaan mereka?

29. Dimanakah mereka tinggal?
30. Bolehkah Ayah Haji menceritakan serba sedikit kisah silam Ayah Haji sewaktu masih bersekolah?
31. Selain Ayah Haji adakah adik beradik Ayah Haji ada yang terlibat dengan sejarah-sejarah ataupun ceritera Kelantan yang lain?
32. Jika ada apakah sejarah-sejarah ataupun ceritera Kelantan yang diketahui mereka?
33. Adakah anak-anak Ayah Haji juga mengetahui sejarah Dato Panglima Lundang ini sama seperti Ayah Haji?
34. Adakah terdapat sesiapa dari kalangan keluarga Ayah Haji yang telah ditemurah sebelum ini?

ASAL USUL BAGINDA MANDUR MIS

35. Apakah nama penuh Baginda Mandur Mis?
36. Apakah nama panggilan lain Baginda Mandur Mis?
37. Berapakah umur Baginda Mandur Mis sewaktu beliau meninggal?
38. Mengapakah Baginda Mandur Mis diberi nama panggilan sedemikian?
39. Siapakah Baginda Mandur Mis?
40. Apakah taraf pendidikan Baginda Mandur Mis?
41. Bilakah tarikh kelahiran Baginda Mandur Mis?
42. Apakah keturunan ibubapa Baginda Mandur Mis?
43. Dimanakah tempat kelahiran Baginda Mandur Mis?
44. Dimanakah Baginda Mandur Mis dibesarkan?
45. Dimanakah Baginda Mandur Mis menetap?
46. Baginda Mandur Mis menetap dengan siapa?
47. Berapakah bilangan adik-beradik Baginda Mandur Mis?
48. Baginda Mandur Mis anak yang ke berapa?
49. Siapakah nama bonda Baginda Mandur Mis?
50. Adakah Baginda Mandur Mis sudah berkahwin?
51. Siapakah nama isteri Baginda Mandur Mis?
52. Isteri Baginda Mandur Mis berasal dari mana?
53. Adakah Baginda Mandur Mis mempunyai anak/cucu/cicit?
54. Berapakah bilangan anak/cucu/cicit Baginda Mandur Mis?
55. Apakah sumbangan Baginda Mandur Mis Selain memerintah?

ASAL USUL DATO PANGLIMA PERANG

56. Siapakah Dato Panglima Perang kepada Baginda Mandur Mis?
57. Apakah nama panggilan lain Dato Panglima Perang?
58. Berapakah umur Dato Panglima Perang sewaktu beliau meninggal?
59. Mengapakah Dato Panglima Perang diberi nama panggilan sedemikian?
60. Apakah tugas Dato Panglima Perang?
61. Apakah taraf pendidikan Dato Panglima Perang?
62. Bilakah tarikh kelahiran Dato Panglima Perang?
63. Apakah keturunan ibubapa Dato Panglima Perang?
64. Dimanakah tempat kelahiran Dato Panglima Perang?
65. Dimanakah Dato Panglima Perang dibesarkan?
66. Dimanakah Dato Panglima Perang menetap?
67. Dato Panglima Perang menetap dengan siapa?
68. Berapakah bilangan adik-beradik Dato Panglima Perang?
69. Dato Panglima Perang anak yang ke berapa?
70. Siapakah nama ibu Dato Panglima Perang?
71. Adakah Dato Panglima Perang sudah berkahwin?
72. Siapakah nama isteri Dato Panglima Perang?
73. Isteri Dato Panglima Perang berasal dari mana?
74. Adakah Dato Panglima Perang mempunyai anak/cucu/cicit?
75. Berapakah bilangan anak/cucu/cicit Dato Panglima Perang?
76. Siapakah bapa Dato Panglima Perang?
77. Apakah yang Dato Panglima Perang biasa lakukan diwaktu lapang?
78. Bagaimanakah sifat-sifat Dato Panglima Perang?
79. Bilakah Dato Panglima Perang di iktirafkan?
80. Siapa yang mengiktirafkan beliau?
81. Apakah perubahan yang dibawa oleh Dato Panglima perang kepada Kampung Lundang
82. Adakah terdapat sebarang peristiwa hitam yang dapat dikaitkan Dato panglima perang?

SEJARAH KAMPUNG LUNDANG DAN KAITANNYA DENGAN DATO PANGLIMA

PANGLIMA

83. Apakah kaitan Kampung Lundang dengan Dato Panglima?
84. Apakah nama laluan yang dilalui oleh Dato Panglima?
85. Adakah terdapat sebarang peristiwa hitam yang dapat dikaitkan Kampung Lundang?
86. Apakah kesan dari peristiwa hitam itu?
87. Pada anggaran Ayah Haji berapakah usia Kampung Lundang sejak ia mula dikenali?
88. Pernahkah Kampung Lundang dinaungi oleh seorang raja?
89. Jika pernah siapakah baginda?
90. Siapakah penghulu pertama Kampung lundang?
91. Pada tahun berapakah kali pertama Ayah Haji menjekakkan kaki di Kampung Lundang?
92. Bagaimana keadaan Kampung Lundang sewaktu itu?
93. Adakah Dato Panglima Perang dikenali oleh penduduk luar dari negeri Kelantan?
94. Bolehkah ayah ceritakan serba sedikit kisah kampung Lundang dan peristiwa yang berlaku dan dapat dikaitkan dengan Dato Panglima Perang
95. Macam mana peristiwa itu diselesaikan?
96. Siapa yang memberi penyelesaian kepada peristiwa itu
97. Sejauh manakah peristiwa itu memberi kesan kepada penduduk setempat?
98. Apakah bukti yang boleh kami lihat dari peristiwa tersebut
99. Apakah bukti persinggahan beliua?

100. Berapa lama kubur Dato Panglima Perang menjadi perhatian orang awam sebelum terbiar?
101. Siapakah yang sentiasa menjadi rujukan Ayah Haji untuk menceritakan kisah di Dato Panglima Perang dan Peristiwa bersejarah Kampung Lundang ini?
102. Boleh ceritakan pengalaman Ayah Haji semasa menetap di Kampung Lundang di zaman muda?
103. Apakah perasaan Ayah Haji ketika berada di kampung Lundang?
104. Adakah terdapat kajian aneh atau misteri berlaku sepanjang Ayah Haji menetap di kampung Lundang ini?
105. Adakah Ayah Haji selalu melawat kubur Dato Panglima Perang? Bagaimana keadaan kubur beliau sewaktu itu?
106. Apakah contoh bahan sejarah yang boleh dikaitkan dengan Dato Panglima Perang?
107. Adakah Ayah Haji pernah melihat barang- barang peninggalan Dato Panglima Perang contoh keris atau kitab-kitab terdahulu?


HARAPAN/PANDANGAN

108. Siapakah lagi yang mengetahui sejarah yang berkaitan Kampung Lundang ini selain Ayah Haji?
109. Perlukah cerita/sejarah Dato Panglima Perang diketahui oleh orang awam?
110. Apakah usaha Ayah Haji dalam memelihara cerita rakyat ini?
111. Apakah idea Ayah Haji untuk menyampaikan cerita rakyat ini ke generasi baru?
112. Adakah Kampung Lundang perlu mewujudkan tempat pameran untuk menarik orang ramai untuk datang dan tengok sendiri tempat sejarah dato panglima perang?
113. Adakah dengan memberitahu orang awam tentang ‘dato panglima perang’ dapat menaikkan sifat jati diri bangsa?
114. Pada pandangan Ayah Haji perlukah Negara Malaysia mengambil inisiatif untuk mewar-warkan sejarah tokoh dan tempat ini?
115. Apakah pandangan Ayah Haji untuk menarik perhatian orang awam untuk mendengar cerita mengenai cerita Dato Panglima Perang?
116. Sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum, apakah cara yang dapat mengharmonikan Negara kita berdasarkan cerita Dato Panglima Perang?
117. Apakah pengajaran yang dapat diambil dari sejarah Dato Panglima Perang?
118. Adakah Kampung Lundang dijaga oleh waris Dato Panglima Perang?

GAMBAR, DAN LAIN-LAIN



Gambar 1: Lorong Titian Dato Lundang



Gambar 2: Lorong Titian Dato Lundang 2



Gambar 3: Gambar bersama Pencerita



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN

Saya..... Haji Awan Yusoff Bin Haji Wan Sulaiman K/P:
..... pada 21/5/2017 dengan ini

bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik samaada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama Pe

Tarikh:

..... Haji Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Kelantan

Tarikh: